

PERSEPSI AHLI JEMAAH MASJID TERHADAP PENGURUSAN KEWANGAN MASJID DI DAERAH KUBANG PASU KEDAH

(PERCEPTION OF MOSQUE'S COMMUNITY TOWARDS FINANCIAL MANAGEMENT
OF MOSQUES IN KUBANG PASU, KEDAH)

Hydzulkifli Hashim Omar¹
Mohd Yazid Isa²
Noraini Yusuff³
Azizi Abu Bakar⁴

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk melihat persepsi ahli jemaah masjid terhadap pengurusan kewangan masjid-masjid di daerah Kubang Pasu, Kedah. Ianya dilakukan dengan menggunakan dua method iaitu (i) analisis dokumen serta (ii) kajian lapangan. Penggunaan method yang pertama digunakan diperolehi daripada buku-buku, artikel proceeding dan juga artikel jurnal. Walau bagaimanapun untuk mendapatkan persepsi ahli jemaah masjid method kajian lapangan perlu dilaksanakan seperti temubual dengan responden yang terdiri daripada ahli jawatankuasa masjid (AJK) serta ahli jemaah masjid yang tidak memegang apa apa jawatan dalam pengurusan masjid tersebut. Dapatan daripada kajian ini mendapati (77%) responden menzahirkan persetujuan dalam menyatakan bahawa masjid mempunyai sumber kewangan yang mencukupi bagi menampung perbelanjaan bulannya. Majoriti responden (75%) bersetuju dengan kenyataan masjid telah merancang aktivitinya untuk pelbagai golongan. Masjid hari ini tidak hanya memfokus kepada aktiviti kuliah agama yang pada kebiasaannya diadakan pada waktu maghrib akan tetapi masjid juga menganjurkan pelbagai aktiviti keagamaan dan kemasyarakatan samada untuk golongan dewasa, remaja mahupun wanita. Langkah ini secara tidak langsung mengembalikan fungsi masjid sebagai pusat tumpuan masyarakat di mana program berbentuk pendidikan, kemahiran mahupun kesukanan seharusnya dianjurkan di masjid.

Kata kunci: Persepsi ahli jemaah masjid, pengurusan kewangan masjid, pengurusan aktiviti masjid,

Abstract

This research aim to investigate the perception of mosque's community towards financial management of mosques in Kubang Pasu, Kedah. There are two methods using in this research such as document analysis and survey. The first method has focusing on books, proceedings and journal articles. However, interview need to be done to get the perceptions of mosque's community towards handling mosque's financial account. Respondents of this survey consists of committee members and people surrounding who attending the mosque. This research found that 77 percent of the respondents agree that mosque

¹ Pensyarah kanan, Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah.

² Pensyarah, Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah.

³ Pensyarah, Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah.

⁴ Professor Madya, Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah.

have enough saving for their monthly expenses. 75 percent of the respondents agree that mosque has manage an activities which is suitable with all level of age and gender. Nowadays they did not only focusing on religious lecture but also implemented religious and community activities which is suitable with adult, teenagers and ladies. This indirectly step to restore the function of the mosque as the focal point of society where educational programs, skills or sportsmanship should be organized in the mosque.

Keywords: Mosque Member Peception, Mosque Financial Management, Mosques Managemengt Activity

2016 GBSEJournal

Pengenalan

Masjid merupakan institusi terpenting umat Islam dalam pembentukan perpaduan ummah dan kedudukan serta fungsi masjid juga banyak dijelaskan dalam al-Quran antaranya *Al-Nur:36, At-Taubah:18 dan Ali Imran: 96*, di mana ayat-ayat tersebut menghuraikan masjid sebagai pusat ibadah dan pusat pembersihan jiwa bagi masyarakat. Kepelbagaian fungsi masjid ini telah menjadikannya sebagai sebuah institusi yang paling dimuliakan di muka bumi ini dan kemuliaan yang Allah kurniakan kepada masjid pada hakikatnya tidak terletak pada kecantikan atau kecanggihan teknologi binaannya akan tetapi ianya terletak pada manfaat yang boleh diambil daripadanya. Selain solat jemaah yang menjadi manfaat terbesar yang boleh diperolehi oleh umat Islam, terdapat juga pelbagai aktiviti yang berteraskan pendidikan, kemasyarakatan, pentadbiran, kesukanan mahupun keusahawanan yang turut boleh dikembangkan melalui institusi masjid.

Melihat kepada kemuliaan yang Allah anugerahkan kepada institusi masjid, seharusnya masjid ditadbir secara sistematik agar masjid dapat berperanan dengan sebaiknya dalam penganjuran pelbagai aktiviti yang sepertimana yang dianjurkan dalam Islam. Rasulullah SAW bukan sahaja menjadikan masjid sebagai pusat ibadah, akan tetapi ianya juga merupakan pusat pendidikan, pusat pentadbiran, pusat ekonomi dan pusat perundangan. Apabila masjid dipelihara dari semua segi samada keadaan fizikalnya mahupun pengisian aktiviti, maka kepelbagaian fungsi masjid dapat dilaksanakan dengan lebih teratur. Oleh itu, usaha untuk mempelbagaikan fungsi masjid amat memerlukan peruntukan kewangan yang secukupnya banyak. Tanggungjawab ini perlu dipikul oleh jawatankuasa masjid di mana mereka bukan sahaja berperanan untuk mengimarahkan masjid, malahan mereka juga turut berperanan dalam memastikan sesebuah masjid tersebut mempunyai sumber kewangan yang mencukupi. (Zakaria & Mohamad 2004).

Kamus Dewan telah mendefinisikan masjid sebagai bangunan khas tempat orang Islam beribadat. Selain itu juga terdapat banyak kajian lepas yang memberikan definisi yang berbeza mengenai masjid, antaranya:

- Bangunan yang dikhususkan untuk melaksanakan amalan solat (Zulkifili 2004)
- Bangunan yang digunakan untuk sembahyang (samada sembahyang jumaat dan lain-lain) serta kegiatan-kegiatan yang dibenarkan oleh agama Islam (Siti Mashitoh 2004)
- Bangunan yang digunakan untuk tujuan menunaikan solat, beriktikaf dan segala tujuan yang bersifat ibadat (Roslan 2004)

Menurut Abdul (2008), pengurusan masjid tidak terhad sebagai tempat ibadah (solat) sahaja, bahkan fungsinya hendaklah diperluaskan sebagai tempat sosial, pusat ekonomi dan juga pusat politik. Di samping itu juga pengurusan kewangan masjid hendaklah dikomperhensifkan merangkumi bidang ibadah, ilmu, politik, ekonomi, pentadbiran & pembentukan dasar negara, perhubungan antarabangsa dan sebagainya, dengan yang demikian ianya akan dapat meningkatkan efisien serta keberkesanan dan secara

tidak langsung ini akan mengangkat nilai sesebuah masjid tersebut (Lukman & Musa, 1996). Sebagai contoh pada zaman kegemilangan kerajaan Islam di Andalusia (zaman kegemilangan Abasyiyyah), telah lahirnya tokoh-tokoh Muslim yang ternama dalam pelbagai ilmu pengetahuan seperti kedokteran, falsafah, biologi, mantik, matematik, astronomi dan lain-lain lagi bermula dari pendidikan awal di institusi masjid (Mohd, 2009).

Berdasarkan kepada definisi-definisi di atas, dapat kita simpulkan masjid ialah suatu binaan yang diniatkan untuk sembahyang jemaah, sembahyang jumaat serta beriktikaf dan ia mempunyai kehormatan tertentu. Definisi yang tepat perlu diberikan kepada masjid bagi mengelakkan kekeliruan orang ramai mengenai fungsi dan peranan institusi ibadah lain seperti surau (di beberapa tempat dipanggil *musolla*)⁵. Ini adalah kerana surau dan masjid mempunyai beberapa perbezaan samada dari sudut pentadbiran mahupun manfaat. Dari sudut pentadbiran, secara umumnya masjid dan surau di Malaysia ianya dikawalselia oleh Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN). Secara spesifiknya kajian ini memfokuskan persepsi ahli jemaah masjid terhadap pengurusan masjid yang merangkumi aspek pengurusan kewangan serta pengurusan aktiviti masjid didaerah Kubang Pasu, Kedah.

Metodologi

Kajian ini merupakan kajian kualitatif di mana metod soal selidik dan temubual menjadi asas yang utama. Responden terdiri dari mereka yang terlibat dengan institusi masjid dan secara umum terdapat dua golongan yang mempunyai hubungan langsung dengan masjid iaitu:

- 1) Jawatankuasa masjid: mereka yang memegang jawatan dan diberi amanah untuk menguruskan masjid. Dari segi pengurusan masjid, ianya terdiri dari mereka yang memikul tanggungjawab sebagai pengerusi, setiausaha, bendahari mahupun jawatankuasa tertentu masjid. Manakala dari sudut pengurusan aktiviti keagamaan mereka terdiri dari imam, bilal serta siak
- 2) Jemaah masjid: mereka yang mengunjungi masjid samada untuk mengerjakan solat mahupun yang menghadiri aktiviti berbentuk keagamaan dan juga aktiviti kemasyarakatan yang dijalankan di masjid. Pada kebiasaannya setiap masjid didirikan bagi setiap kariah/kawasan, sehubungan itu mana-mana penduduk yang menetap di kariah/kawasan itu dianggap sebagai ahli kariah masjid berkenaan dan beliau akan berada di bawah penyeliaan jawatankuasa masjid tersebut. Sebagai contoh untuk mengadakan upacara akad nikah, setiap anak kariah perlu merujuk dan berurusan dengan jawatankuasa masjid di kariah mereka bagi tujuan pendaftaran pernikahan, mereka tidak boleh melangkaui sehingga ke masjid di kariah lain.

Kaedah soal selidik dan temubual ini akan diedarkan kepada kedua-dua golongan sasaran ini. Akan tetapi untuk tujuan kajian ‘Persepsi Ahli Jemaah Masjid Terhadap Pengurusan Kewangan Masjid Di Daerah Kubang Pasu Kedah’, ianya lebih memfokuskan kepada golongan kedua iaitu jemaah masjid sahaja. Kajian ini menggunakan beberapa kaedah untuk memperolehi maklumat iaitu temubual dan soal selidik:

1) Kaedah temubual digunakan adalah untuk mendapat maklumat secara terus dari pegawai masjid mengenai pengurusan kewangan masjid.

Menerusi kaedah ini juga, permasalahan yang timbul dari sudut kewangan dan pentadbiran masjid akan dapat dikupas dengan tepat. Secara keseluruhan seramai 26 pegawai masjid di daerah Kubang Pasu telah ditemubual.

2) Soal Selidik

⁵ Terdapat negeri yang memasukkan surau dalam tafsiran masjid. Akta 505 Wilayah-Wilayah Persekutuan 1993

Kaedah soal selidik terhadap jemaah telah dilakukan bagi menilai persepsi mereka mengenai pengurusan kewangan masjid di mukim jemaah tersebut. Bagi menjawab objektif kajian seperti yang telah digariskan, dua jenis soal selidik telah diedarkan iaitu:

Bahagian A : Profil jemaah

Bahagian B: Persepsi responden mengenai aspek pengurusan kewangan dan aktiviti masjid.

Data-data yang dikumpulkan akan dianalisis menggunakan kaedah berikut

- 1) Deskriptif: Penggunaan pengiraan berasaskan peratusan, purata dan frekuensi serta gambaran dalam bentuk carta bar dan carta pai akan digunakan untuk menunjukkan struktur pendapatan, perbelanjaan dan juga kedudukan aset masjid. Walaupun kaedah ini ringkas namun ianya dapat memberi gambaran secara umum tentang prestasi semasa kewangan masjid.
- 2) Korelasi : Kajian ini juga menggunakan kaedah korelasi bagi mengukur hubungan antara satu pembolehubah dengan pembolehubah yang lain.

Bagi soalan yang berkaitan persepsi, kajian ini menggunakan skala likert 5 peringkat, seperti yang diutarakan dalam jadual 1.1 di bawah.

Jadual 1.1: Skala Likert 5 Peringkat

Skala	Skor
Sangat Setuju	5
Setuju	4
Tidak Pasti	3
Tidak Setuju	2
Sangat Tidak Setuju	1

Sampel Kajian

Kajian ini memfokuskan kepada institusi masjid di daerah Kubang Pasu, Kedah. (Kubang Pasu merupakan antara daerah yang terluas berbanding daerah-daerah lain di negeri Kedah) Ianya berkeluasan menjangkau 950 km persegi dengan populasi penduduk melebihi 220,000 orang (Statistik 2010). Ciri-ciri ini telah menjadikan daerah Kubang Pasu, Kedah sebagai sebuah kawasan yang lebih luas dari negeri Perlis dengan jumlah bilangan penduduk yang hampir sama (821km persegi dengan jumlah penduduk 227,000 orang).

Kajian ini dijalankan di masjid-masjid sekitar daerah Kubang Pasu, Kedah, di mana terdapat lebih 60 buah masjid jamek dan masjid bukan jamek di daerah tersebut. Masjid yang dipilih adalah dari kategori masjid jamek (masjid yang diberi kelulusan mengadakan solat jumaat) adapun masjid bukan jamek tidak termasuk dalam skop kajian. Kebanyakan masjid di daerah Kubang Pasu terletak di lokasi yang strategik seperti berdekatan jalan utama manakala terdapat sebilangan kecil masjid yang berada di lokasi terpencil di dalam kawasan luar bandar. Keadaan ini memudahkan pihak pengkaji melakukan kajian memandangkan pengkaji perlu bersemuka untuk mengedarkan soal selidik dan menemua bual responden di dalam kawasan masjid.

Bersesuaian dengan jolokan di negeri jelapang padi, kebanyakan kawasan pertanian di daerah ini adalah terdiri dari tanaman padi dan sebahagian besar penduduk adalah terdiri dari golongan yang bekerja sendiri (petani dan usahawan). Di samping itu kewujudan pelbagai institusi pengajian tinggi seperti UUM,

UNIMAP, MRSM, Institusi Perguruan, Institut Latihan Perindustrian, Kolej Matrikulasi, Kolej Komuniti dan banyak lagi menjadikan daerah ini didiami oleh ramai golongan kelas pertengahan.

Dapatan Kajian & Perbincangan

Responden terdiri dari 186 orang jemaah dengan majoriti responden adalah berumur 60 tahun dan ke atas iaitu sebanyak 30% dan diikuti dengan responden berumur 50 tahun sehingga 60 tahun iaitu sebanyak 25%. Manakala responden yang berumur bawah 30 tahun adalah sebanyak 18%. Di samping itu dari sudut kerjaya, jadual menunjukkan 55% responden adalah terdiri daripada golongan pesara atau bekerja sendiri, 29% adalah kakitangan kerajaan dan 16% adalah bekerja di sektor swasta.

Majoriti responden dalam kajian ini mempunyai tahap pendidikan di peringkat sekolah iaitu sebanyak 68%, diikuti 18% di peringkat diploma. Adapun tahap pendidikan responden yang mempunyai sarjana muda berjumlah 10% dan tahap ijazah sarjana atau Phd adalah 4%. Dari sudut pendapatan bulanan pula, majoriti responden mempunyai pendapatan di bawah RM1,000 iaitu sebanyak 46% dengan diikuti dengan 35% responden yang mempunyai pendapatan di antara RM1,000 dan RM3,000. Manakala sebanyak 10% responden mempunyai pendapatan sekitar RM3,000 ke RM5,000 dan baki sebanyak 9% responden lagi mempunyai pendapatan lebih daripada RM5,000.

Jadual 1.2: Profil Responden (Jemaah)

Umur	Jumlah	Peratusan
30 tahun ke bawah	33	18%
30-40	26	14%
40-50	25	13%
50-60	47	25%
60 tahun ke atas	55	30%
Pekerjaan	Jumlah	Peratusan
Kerajaan	53	29%
Swasta	29	16%
Sendiri/Pencen	101	55%
Pendidikan	Jumlah	Peratusan
Sekolah	124	68%
Diploma	33	18%
Sarjana Muda	18	10%
Sarjana/Phd	8	4%
Pendapatan	Jumlah	Peratusan
RM1,000 ke bawah	85	46%
RM1,000-RM3,000	64	35%
RM3,000-RM5,000	18	10%
RM5,000 ke atas	16	9%
Kekerapan ke Masjid	Jumlah	Peratusan
1-2 kali seminggu	47	25%
3-5 kali seminggu	42	23%
6-10 kali seminggu	30	16%
11 kali ke atas	67	36%
Sumbangan Tabung Masjid (Mingguan)	Jumlah	Peratusan

RM1-RM5	113	62%
RM6-RM10	39	22%
RM11-RM15	9	5%
RM16-RM20	6	3%
RM20 ke atas	14	8%

Kajian ini juga melihat persepsi jemaah berkenaan pengurusan masjid-masjid di daerah Kubang Pasu dan ia dibahagikan kepada dua bahagian;

- 1) Persepsi mengenai pengurusan kewangan masjid
- 2) Persepsi mengenai pengurusan aktiviti dan aset masjid.

Pengurusan Kewangan Masjid

Responden adalah terdiri dari 186 jemaah masjid yang ditemubual di sekitar kawasan masjid di daerah Kubang Pasu. Profil responden telah dihuraikan dalam jadual 1.2: Profil Responden (Jemaah) di mana responden terdiri dari pelbagai usia, latarbelakang dan pekerjaan.

Jadual 1.3: Hubungan antara Pendidikan dan Pendapatan dengan Kekerapan dan Sumbangan

		Kekerapan	Sumbangan
Pendidikan	Korelasi Pearson	-0.079	0.139
	Nilai T	(0.289)	(0.065)
Pendapatan	Korelasi Pearson	-0.048	0.213*
	Nilai T	(0.525)	(0.004)

*Korelasi signifikan pada kadar 0.01

Jadual 1.3 diatas, menunjukkan hubungan korelasi pearson antara faktor pendidikan dan pendapatan responden dengan kekerapan mereka mengunjungi masjid serta jumlah wang yang disumbangkan mereka ke tabung masjid. Kajian ini mendapati faktor pendidikan dan pendapatan tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan kekerapan ke masjid. Dengan kata lain, semakin tinggi tahap pendidikan responden atau semakin tinggi pendapatan responden ianya tidak mempengaruhi jumlah kekerapan seseorang ke masjid. Namun begitu terdapat hubungan yang signifikan antara faktor pendapatan dengan jumlah sumbangan yang responden sumbang ke tabung masjid di mana semakin tinggi pendapatan seseorang semakin tinggi sumbangan yang mereka beri kepada tabung masjid. Kajian ini juga mendapati hampir 60% responden menyumbang antara RM1 hingga RM5 seminggu ke dalam tabung masjid, manakala baki 40% responden menyumbang lebih dari RM5 seminggu. Hubungan ini membuktikan bahawa peranan dan sumbangan para jemaah yang berpendapatan tinggi adalah merupakan antara faktor yang signifikan dalam menyumbang kepada peningkatan jumlah tabungan masjid.

Jadual 1.4 : Persepsi Jemaah Mengenai Pengurusan Kewangan Masjid

	STS	TS	TP	S	SS
Masjid mempunyai sumber kewangan mencukupi	2%	7%	14%	59%	18%
Masjid perlu menjana ekonominya sendiri	2%	18%	15%	55%	11%
Faktor kekangan kewangan menghadkan aktiviti masjid	20%	41%	18%	17%	4%
Masjid menghebahkan kedudukan kewangan	3%	3%	18%	48%	28%

STS (Sangat Tidak Setuju), TS (Tidak Setuju), TP (Tidak Pasti), S (Setuju), SS (Sangat Setuju).

Kajian turut mendapati terdapat 77% responden menzahirkan persetujuan (59% responden bersetuju dan 18% responden sangat setuju) dalam menyatakan bahawa masjid mempunyai sumber kewangan yang mencukupi bagi menampung perbelanjaan bulannya. Masjid harini dilihat bukan sahaja berperanan sebagai institusi kebajikan yang mengharap bantuan dari sesetengah pihak sahaja akan tetapi ianya kini diurus oleh pihak pengurusan yang mahir dari sudut pentadbiran mahupun kewangan. Mereka yang dilantik menjadi jawatankuasa masjid merupakan mereka yang berkebolehan dalam bidang masing-masing umpamanya pengerusi dan setiausaha terdiri dari kalangan mereka yang mahir dari sudut pengurusan dan pentadbiran. Manakala bendahari pula adalah mereka yang mahir dari sudut pengurusan kewangan. Ciri-ciri ini menjadikan masjid harini kebanyakannya diurus secara sistematik dan lebih tersusun. Segala aktiviti dan laporan kewangan direkodkan secara sistematik dan dihebahkan kepada orang ramai. Pengurusan yang sistematik ini memungkinkan sesebuah masjid mempelbagaikan sumber perolehannya serta tidak hanya bergantung kepada sumbangan orang ramai dan ini dibuktikan dengan 66% responden menyatakan persetujuan (55% setuju dan 11% sangat setuju) agar masjid harini perlu menjana ekonominya sendiri samada melalui bidang pelaburan mahupun perniagaan.

Di samping itu terdapat 61% responden beranggapan bahawa faktor kewangan bukan merupakan faktor bagi masjid menghadkan aktiviti. Mereka menjelaskan bahawa masjid sebenarnya tidak berhadapan dengan masalah kewangan dan masjid seharusnya memperbanyakkan lagi aktiviti dengan menggunakan sumber kewangan yang ada. Dari segi ketelusan pengurusan kewangan, seramai 76% responden menyatakan persetujuan (48% responden bersetuju dan 28% responden sangat bersetuju) bahawa jawatankuasa masjid membuat hebahan kedudukan kewangan semasa masjid samada melalui mesyuarat mahupun menerusi papan kenyataan masjid.

Menerusi pemerhatian, kami mendapati kebanyakan masjid di daerah ini mempunyai papan kenyataan yang melaporkan kedudukan kewangan masjid samada secara mingguan mahupun bulanan. Langkah ini dilihat perlu dilakukan memandangkan sumber pendapatan masjid kebanyakannya adalah dari hasil sumbangan jemaah. Amanah kewangan yang diberikan oleh jemaah ini seharusnya dilaksanakan dengan sebaik mungkin oleh jawatankuasa masjid dengan dibelanjakan untuk manfaat masjid dan tidak hanya disimpan atau dibazirkan kepada perkara yang tidak sepatutnya. Menerusi hebahan kewangan ini juga para jemaah dapat memantau dan seterusnya menilai prestasi kewangan masjid.

Pengurusan Aktiviti & Aset Masjid

Jadual 1.5 : Persepsi Jemaah Mengenai Pengurusan Aktviti & Fizikal Masjid

	ST	TS	TP	S	SS
Aktiviti masjid dirancang untuk pelbagai golongan	4%	9%	11%	57%	18%
Pengurusan masjid adalah lebih baik berbanding tahun sebelumnya	3%	7%	25%	51%	13%
Dewan solat sentiasa dalam keadaan bersih	2%	1%	8%	61%	28%
Tandas sentiasa dalam keadaan bersih	3%	4%	8%	58%	28%

STS (Sangat Tidak Setuju), TS (Tidak Setuju), TP (Tidak Pasti), S (Setuju), SS (Sangat Setuju)

Majoriti responden (75%) bersetuju dengan kenyataan masjid telah merancang aktiviti untuk pelbagai golongan. Masjid harini tidak hanya memfokus kepada aktiviti kuliah agama yang pada kebiasaannya diadakan pada waktu maghrib akan tetapi masjid juga menganjurkan pelbagai aktiviti keagamaan dan kemasyarakatan samada untuk golongan dewasa, remaja mahupun wanita. Langkah ini secara tidak langsung mengembalikan fungsi masjid sebagai pusat tumpuan masyarakat di mana program berbentuk pendidikan, kemahiran mahupun kesukanan seharusnya dianjurkan di masjid.

Seramai 64% responden (51% setuju dan 13% sangat setuju) menzahirkan persetujuan dalam menyatakan pengurusan masjid harini adalah lebih baik berbanding pengurusan pada tahun sebelumnya. Semangat untuk memperbaiki diri seharusnya ditanam dalam diri setiap jawatankuasa masjid agar 'hari ini lebih baik dari semalam' menjadi pedoman dalam menguruskan masjid. Sikap berubah kepada perkara baik serta sikap memajukan diri adalah baik kerana tanggungjawab mentadbir masjid adalah amanah dari masyarakat yang harus dipikul oleh setiap jawatankuasa masjid. Sikap sambil lewa atau lepas tangan dalam menjalankan tugas yang telah diamanahkan seharusnya dielakkan bagi memastikan masjid berfungsi dengan sebaiknya.

Kenyataan ini juga dapat dibuktikan dengan lebih 85% responden bersetuju menyatakan bahawa jawatankuasa masjid sentiasa memastikan dewan solat dan tandas berada dalam keadaan bersih. Ini membuktikan bahawa sumber kewangan masjid digunakan dengan sebaiknya terutama dalam memastikan keselesaan jemaah semasa menggunakan kemudahan dewan solat dan juga kemudahan tandas. Seringkali kita mendengar keluhan dari jemaah mengenai tahap kebersihan tandas di kebanyakan masjid yang mengecewakan, akan tetapi kajian ini mendapati majoriti responden berpuas hati dengan tahap kebersihan masjid di daerah Kubang Pasu.

Kesimpulan

Dapatan kajian persepsi jemaah masjid terhadap pengurusan kewangan masjid serta pengurusan aktiviti masjid menunjukkan majoriti responden berpuas hati dengan prestasi kewangan masjid serta pengurusan aktiviti masjid. Secara umum mereka berpendapat bahawa masjid tidak berhadapan dengan masalah kewangan memandangkan masjid memperolehi pendapatan yang sebahagian besarnya datang dari sumber tabungan masjid. Atas faktor kekukuhan kewangan ini juga masjid seharusnya aktif dalam menganjurkan pelbagai aktiviti untuk semua golongan masyarakat. Responden juga berpendapat jawatankuasa masjid berjaya memainkan peranan masing-masing dalam memastikan masjid sentiasa dalam keadaan yang bersih dan selesa untuk kegunaan jemaah.

Rujukan

- Abdul Wahab Azhar (2008), *Financial Management of Mosques in Kota Setar District: Issues and Challenges*. Retrieved from http://etd.uum.edu.my/1247/1/Azhar_Abdul_Wahab.pdf. 7 June 2013.
- Lukman & Musa (1996), *Pengantar Sains Pengurusan Masjid, Melaka: Majlis Agama Islam Melaka & Kolej Islam Melaka*.
- Mohd Zamrus Mohd Ali (2009), *Pembangunan Masjid Dan Tradisi Intelektual Muslim Andalus'*, Prosiding Seminar Pengurusan Masjid Peringkat ASEAN 2009, 23-25 Julai, EDC hotel, anjuran bersama JAKIM dan Pusat Islam. h. 247.

- Roslan Mohamed (2003), *Keberkesanan Program Masjid: Kajian Umum Masjid-masjid di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*. Dalam, Norrodzoh Siren & Yusmini Md. Yusof, *Membangunkan Institusi Masjid*, Petaling Jaya: Intel Multimedia & Publication.
- Siti Mashitoh Mahamood (2004), *Pengurusan Masjid Menurut Perspektif Undang-Undang Di Malaysia*, Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Masjid 25-27 September 2004, Kedah: Pusat Islam Universiti Utara Malaysia, Sintok.
- Yayasan Penyelenggaraan Perterjemahan/Pentafsiran Al-Quraan (2007) *al-Quraan dan Terjemahnya*, Batu Pahat, Johor.
- Zakaria Bahari & Mohd Kamal Omar (2004) *Penjanaan Dana Pengurusan Masjid*. Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Masjid 25-27 September 2004, Kedah: Pusat Islam Universiti Utara Malaysia, Sintok.
- Zulkefli Aini (2004) *Pengurusan Komunikasi Masjid Berkesan: Satu Tinjauan Terhadap Penggunaan Komunikasi Tanpa Lisan*. Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Masjid 25-27 September 2004, Kedah: Pusat Islam Universiti Utara Malaysia, Sintok.